

## **BANTUAN BADAN KEBAJIKAN DAN ORGANISASI DALAM PEMBANGUNAN UMMAH DAN MASYARAKAT**

### **OBJEKTIF**

Bantuan ini bagi meringankan beban kewangan khusus untuk membantu Badan Kebajikan, Persatuan Islam, Organisasi, dan lain-lain bagi menjalankan aktiviti-aktiviti pendidikan dan kebajikan bagi tujuan pembangunan modal insan yang tidak menyalahi kehendak hukum.

### **KEKERAPAN**

<b>Peringkat</b>	<b>Maksimum</b>
IPTA/IPTS	Sekali sahaja setahun bagi setiap pusat pengajian (Induk), fakulti, persatuan, majlis perwakilan pelajar, kelab, kolej, pertubuhan dan berkaitan.
Permohonan terbuka (Selain IPTA/IPTS)	2 kali sahaja setahun.

### **SYARAT-SYARAT BANTUAN**

- Berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan atau mendapat pengiktirafan daripada pihak Kerajaan (i.e Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), atau yang berkaitan).
- Badan yang berfungsi untuk meningkatkan kecemerlangan dan pembangunan ummah, sama ada dari segi pendidikan, kebajikan, kemahiran dan lain-lain.
- Aktiviti atau program yang hendak diadakan mestilah tidak bercanggah dengan syariat Islam.
- Bagi permohonan pertama hendaklah menghantar laporan aktiviti penggunaan dana bantuan tersebut.
- Bagi permohonan berulang, hendaklah disertakan laporan aktiviti penggunaan dana bantuan yang telah dilaksanakan (Tahun sebelumnya).
- Keutamaan diberikan bagi aktiviti dianjurkan di Sarawak sahaja.
- Permohonan tidak akan dilayan jika program atau kursus/aktiviti tersebut telah dilaksanakan.

### **DOKUMEN YANG DIPERLUKAN (JIKA BERKAITAN)**

- Surat permohonan.
- Kertas kerja.
- Laporan siasatan ke atas Institusi, Badan organisasi, persatuan dan yang berkaitan yang tidak berdaftar dengan pihak Kerajaan.
- Salinan buku akaun (Institusi/Pusat pengajian/Badan organisasi/Sekolah/PIBG/Persatuan/Masjid/Surau dan yang berkaitan).